



PERSOALAN INI PERNAH DIJAWAB OLEH JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR:

Adapun, berkenaan penggunaan bekas seperti pinggan atau sudu yang digunakan oleh orang bukan Islam di kedai-kedai makanan, maka Islam menggalakkan membasuhnya dan selepas itu (boleh) digunakan.

Sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Abu Tha'labah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنْ لَا يَمَسَّ الْقُرْآنَ إِلَّا طَاهِرٌ

“

Maksudnya : “Basuhlah bekas tersebut dan makanlah dengannya”
(Riwayat al-Bukhari)

”

والله أعلم بالصواب

(emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?d=2375)



Hadis di atas adalah kisah Abu Tha'labah al-Khusyani yang pernah berada di daerah ahli kitab. Beliau bertanya kepada Nabi:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا بِأَرْضِ أَهْلِ
كِتَابٍ، أَفَنَأْكُلُ فِي آيَاتِهِمْ؟

“

Wahai Rasulullah, kami berada di negeri Ahli al-Kitab, bolehkah kami makan dalam bekas mereka?

”

قَالَ: “لَا تَأْكُلُوا فِيهَا، إِلَّا أَنْ لَا تَجِدُوا
غَيْرَهَا، فَاغْسِلُوهَا، وَكُلُوا فِيهَا”

“

Baginda menjawab: Jangan makan daripadanya, kecuali jika kamu tidak menjumpai selainnya. Maka basuhlah ia, dan makanlah daripadanya.

”

[Sahih al-Bukhari, 547 / Sahih Muslim, 1930]

KESIMPULAN

Hukum menggunakan sudu atau bekas yang pernah digunakan oleh non muslim adalah **harus setelah di basuh sahaja** dan **tidak perlu untuk sertu atau samak** berdasar panduan dari hadis Nabi.